

Pihak berkuasa tahan enam individu kes kematian anggota PGA

Dua koperal ditembak penyeludup

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS,
MALINDA MALIK dan NUR
NAZLINA NADZARI

PADANG BESAR – Seorang anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) maut ditembak dalam kejadian berbalas tembakan dengan 13 penyeludup ketum dan ubat batuk di kawasan hutan berhampiran pos sempadan Malaysia-Thailand di sini awal pagi semalam.

Dalam kejadian pada pukul 2.30 pagi itu, Koperal Baharuddin Ramli, 54, daripada Batalion 3 PGA Bidor meninggal dunia di tempat kejadian, manakala Koperal Norihan Tari, 39, parah.

Baharuddin terkena dua tembakan di perut dan satu tembakan rusuk, manakala Norihan pula cedera di perut. Tembakan itu dilepaskan dari jarak dekat.

Selepas kejadian, Baharuddin sempat meminta Norihan pergi ke Pos TS9 kira-kira dua kilometer dari lokasi bagi mendapatkan bantuan, namun sebaik pasukan polis tiba lelaki itu sudah meninggal dunia.

Kejadian berlaku semasa dua anggota itu sedang menjalankan operasi risikan di kawasan pintu A3, Pos TS9 sebelum terserempak dengan kumpulan penyeludup tersebut.

Lokasi kejadian itu terletak kira-kira 600 meter dari tembok sempadan dipercayai laluan aktif bagi kegiatan penyeludupan.

Ketua Polis Perlis, Datuk Suri-na Saad berkata, ketika kejadian,



ABDUL HAMID menunjukkan sebahagian daun ketum yang dirampas daripada penyeludup.



Peta lokasi kejadian tembakan anggota PGA



MAYAT Baharuddin dibawa keluar dari Jabatan Forensik, Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar semalam.

penyeludup membawa daun ketum dan ubat batuk.

"Anggota Komando 69 dan PGA Batalion 3 menahan dua penyeludup warga Thailand di lokasi kejadian, manakala empat lagi termasuk tiga yang cedera diberkas polis Thailand," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Turut melawat lokasi itu ialah Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador.

Suspek kumpulan penyeludup yang cedera dirawat di hospital di Hatyai dan Sadao.

"Kita menemui 12 bungkusan daun ketum seberat setengah

tan bersama seguni ubat batuk untuk diseludup ke Thailand.

"Keempat-empat suspek akan dibawa ke negara ini untuk diambil keterangan," katanya.

Sementara itu, Abdul Hamid berkata, kumpulan penyeludup itu melakukan sistem *barter* melibatkan pertukaran ketum dari Malaysia dengan dadah seperti syabu, pil yaba dan heroin dari negara jiran.

"Kejadian tembakan itu (semalam) adalah yang ketiga selepas 12 November dan 15 November lalu di lokasi yang sama," katanya di Bukit Aman.